

Ringkas Dun Kedah

Proses pindah ke kampus tetap Kuin lembap

MD ZUKI Yusuf (PAS-Kuala Ketil) melahirkan rasa kesal atas sikap Menteri Besar, Dato' Mukhriz Mahathir yang tidak komited dalam memberi arahan perpindahan pelajar-pelajar Kolej Universiti Insaniah (Kuin) ke kampus di Kuala Ketil.

Berucap membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah ucapan Tuanku Sultan Kedah, Md Zuki berkata sekiranya prasarana Kuin masih belum mencukupi, kenapa kerajaan negeri tidak berusaha mempercepatkan pembangunan kolej berkenaan.

"Saya mendapat maklumat, dewan kuliah muamalat akan dijadikan asrama untuk penempatan pelajar tetapi yang menghairankan saya, kenapa sekarang perkara ini boleh dibuat sedangkan dahulu tidak boleh dan tidak mendapat kelulusan.

"Adakah kelulusan itu sudah bertukar bila kerajaan BN yang memerintah?" soal beliau.

Bajet tambahan gambaran ketidaktelitian perancangan

KETUA Pembangkang Dun Kedah, **Dato' Ir Amiruddin Hamzah (PAS-Anak Bukit)** melihat permohonan Tambahan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Kedah ke-2 Tahun 2014 pada sidang Dun baru-baru ini menggambarkan ketidaktelitian semasa penyediaan bajet 2014 dulu.

Katanya, walaupun peruntukan tambahan itu diambil daripada Wang Kontijensi yang ada dalam peruntukan, tetapi ianya menunjukkan wujud perancangan yang tidak teliti sehinggalah dua kali peruntukan tambahan terpaksa diluluskan Dun pada 2014.

Amiruddin turut mengambil bahagian membahaskan permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM3.1 juta yang dibentangkan Menteri Besar sehinggalah ada pertanyaan beliau gagal dijawab dengan sempurna wakil kerajaan.

Kemangkatan Tunku Bendahara kehilangan besar

KEMANGKATAN Tunku Bendahara, Tan Sri Tunku Annuar Ibni Almarhum Sultan

Badlishah adalah kehilangan besar kepada kerajaan dan seluruh rakyat negeri Kedah kata Dato' Ir Phahrolrazi Mohd Zawawi (PAS- Pengkalan Kundor)

Berucap membahaskan usul Ucapan takziah kepada Toh Puan Bendahara Kedah dan ahli keluarga Tunku Bendahara Kedah di atas kemangkatannya pada 21 Mei lalu, Phahrolrazi berkata Almarhum telah memberikan khidmat yang cemerlang sebagai Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah.

"Pemerintahan kerajaan negeri berjalan lancar semasa Almarhum menjawat Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah selain banyak memberi khidmat masyarakat yang ditimpa bencana melalui Persatuan Bencana Alam Negeri Kedah,"ujarnya.

Guna media sosial sebagai medan dakwah

USTAZ Ahmad Yahaya (PAS-Alor Mengkudu) mencadangkan agar media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan sebagainya dijadikan alat untuk usaha dakwah dan islah masyarakat khususnya golongan muda.

Ketika menyampaikan ucapan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah ucapan Tuanku Sultan Kedah, beliau mencadangkan semua ahli dewan yang mempunyai pegawai media untuk mengetengahkan akhlak baik di laman sosial bagi dikongsi generasi muda.

Beliau turut mencadangkan agar para agamawan dijadikan ejen penyelamat masyarakat selain usaha ditingkatkan untuk melahirkan golongan ilmuwan dalam pelbagai bidang di negeri Kedah.

Apa status janji-janji PRK Sungai Limau?

BERUCAP membahaskan usul Menjunjung Kasih Titah ucapan Tuanku Sultan Kedah, **Ustaz Mohd Azam Abd Samat (PAS - Sungai Limau)** meminta penjelasan tentang status janji-janji yang telah dibuat semasa pilihan raya kecil Dun Sungai Limau tahun lalu.

Maklumat yang beliau terima mendapati banyak janji pilihan raya masih belum ditunaikan walaupun sebahagiannya adalah janji kerajaan pusat.

Beliau berharap kerajaan negeri hari ini dapat memanjangkannya kepada pihak berkaitan.